



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

**KENYATAAN MEDIA  
PROGRAM JOM MASUK U 2023 (JMU2023)**

1. Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) akan menganjurkan **Program Jom Masuk U 2023 (JMU2023)** bermula **20 Mei 2023** hingga **5 Jun 2023** di enam **(6) zon** seluruh negara seperti berikut :-

BIL.	ZON	LOKASI	TARIKH	HARI
1.	Selatan	Stadium Tertutup Arena Larkin Johor Bahru, Johor	20 & 21 Mei 2023	Sabtu & Ahad
2.	Sarawak	Time Square Megamall Bintulu, Sarawak	20 & 21 Mei 2023	Sabtu & Ahad
3.	Sabah	Kompleks Dewan Kuliah Pusat ke-2 UMS, Sabah	27 & 28 Mei 2023	Sabtu & Ahad
4.	Utara	Dewan Perdana, UiTM Cawangan Kedah, Kedah	27 & 28 Mei 2023	Sabtu & Ahad
5.	Timur	Dewan Sultan Mizan, UMT, Terengganu	3 & 4 Jun 2023	Sabtu & Ahad
6.	Tengah	Dewan Tunku Canselor, UM, Kuala Lumpur	4 & 5 Jun 2023	Ahad & Isnin

2. **Penganjuran JOM MASUK U 2023** bertujuan untuk **mempromosi maklumat** mengenai program pendidikan yang ditawarkan oleh institusi pendidikan tinggi di bawah KPT yang merangkumi Universiti Awam (UA), Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS), Politeknik, Kolej Komuniti (KK) serta penglibatan Institusi Latihan Kemahiran Awam (ILKA). **JOM MASUK U 2023** menyasarkan kumpulan pelajar yang menduduki peperiksaan SPM, STPM, Matrikulasi, Asasi, STAM dan Diploma/Setaraf.

3. **Majlis Perasmian JOM MASUK U 2023** akan dilaksanakan di Stadium Tertutup Arena Larkin Johor Bahru, Johor manakala **Majlis Penutupan JOM MASUK U 2023** pula akan diadakan di Dewan Tunku Canselor, UM, Kuala Lumpur.
4. Semasa berlangsungnya **JOM MASUK U 2023**, calon-calon lepasan SPM dan STPM/Setaraf boleh memohon dan mengemaskini permohonan UPUOnline® yang akan dibuka pada **permohonan Fasa 2 mulai 15 Mei 2023 (12.00 tengah hari) hingga 09 Jun 2023 (5.00 petang)**.
5. Pelbagai aktiviti menarik ditawarkan sepanjang **JOM MASUK U 2023** berlangsung antaranya **pameran, sesi konsultasi UPUOnline®, talk show IPTA dan IPTS, cabutan bertuah, campus tour, aktiviti bersama alumni** dan banyak lagi.
6. KPT ingin menjemput semua pihak khususnya pelajar, ibu bapa, penjaga, guru, kaunselor dan orang awam agar turut serta dalam **JOM MASUK U 2023** dan **mengucapkan selamat maju jaya** bagi pemohon **UPUOnline® Sesi Akademik 2023/2024**.

Sila hubungi alamat dan talian berikut untuk sebarang pertanyaan:

**BAHAGIAN KEMASUKAN PELAJAR IPTA  
JABATAN PENDIDIKAN TINGGI  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI  
ARAS 4, MENARA 2, JALAN P5/6, PRESINT 5  
62000 PUTRAJAYA**

**No. Tel** : 03-8684 2363  
**E-mel** : [upu@mohe.gov.my](mailto:upu@mohe.gov.my)  
**Facebook** : Kemasukan BPKP JPT – FB rasmi UPU  
**Youtube** : bkpaUPU  
**Instagram** : kemasukanbkpa  
**TikTok** : bkpaupu  
**Maklumbalas UPU** : <https://jpt.mohe.gov.my/maklumbalas/>  
**UPUChat** : <https://upuchat.org/>

**KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI  
12 MEI 2023**